

MENEROKA TEMA-TEMA BAHARU YANG WUJUD DALAM FENOMENA REVOLUSI INDUSTRI MUZIK MELAYU TEMPATAN DI LAMAN MEDIA SOSIAL : KAEDAH *GROUNDING THEORY*

Mohd Izwan Izhar bin Haris^{1*}
Hanif Suhairi bin Abu Bakar²

^{1,2} Faculty of Business and Communications, University of Malaysia Perlis, Perlis, Malaysia

ABSTRAK

*Sejak kebelakangan ini, pengaruh dari laman rangkaian media sosial dilihat memainkan peranan yang penting dalam industri muzik Melayu tempatan. Platform media sosial bukan sahaja dilihat mampu memberi impak positif namun turut memberikan impak negatif kepada pengeluaran kandungan muzik dari segmen pengedaran dan kepenggunaan. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh media sosial terhadap industri muzik Melayu tempatan, dengan fokus khusus pada bagaimana teknologi digital dan platform media sosial telah menjejaskan industri ini. Objektif utama kajian ini adalah membina model paradigma bagi fenomena laman rangkaian media sosial untuk artis muzik Melayu tempatan, berdasarkan pengalaman komprehensif mereka yang terlibat dan terpilih dalam industri muzik Malaysia dan penglibatan di laman rangkaian media sosial. Namun pada kertas kajian ini lebih menumpukan kepada kewujudan tema baharu yang muncul. Melalui pendekatan *Grounding Theory*, penelitian telah dapat mengumpulkan data dari kaedah temubual mendalam dengan pelaku industri muzik, termasuk artis, penerbit, dan komposer, penulis lirik, penyarah muzik, penyarah media, juruhebah, wartawan, penggiat seni serta analisis kandungan dari platform media sosial yang relevan. Hasil kajian juga telah menemui beberapa tema baharu yang dilihat tidak diuraikan dalam kajian lepas. Tema utama yang muncul dari analisis termasuk (1) Birokrasi dalam dunia hiburan di Malaysia; (2) Kelemahan sikap pengguna di Malaysia; (3) Kesan kepada penyanyi yang berbakat; (4) Pengamalan prinsip pelaku sendiri; (5) dan Kejatuhan artis lama disebabkan ketidakakuratan. Kajian ini menawarkan wawasan baharu tentang kelangsungan industri muzik Melayu dalam era digital terutamanya di laman media sosial, menyoroti bagaimana adaptasi terhadap media sosial yang merupakan faktor kritikal dalam menentukan keberhasilan dan keberlangsungan dalam industri muzik Melayu tempatan. Penyelidikan ini dilihat dapat memberi sumbangan penting kepada pemahaman kita tentang transformasi industri muzik Melayu dalam era digital, menonjolkan kerumitan dan dinamik penyesuaian budaya, ekonomi dan teknologi hasil daripada kewujudan tema baharu yang muncul.*

Kata kunci: Media sosial, Industri Muzik Melayu, *Grounding Theory*, Produksi Muzik, Pemasaran Digital, Tema Baharu

ABSTRACT

*In recent times, the influence of social media networking sites has been seen to play an important role in the local Malay music industry. Social media platforms are not only seen to be able to have a positive impact but also have a negative impact on the production of music content from the distribution and consumer segments. This study aims to analyze the influence of social media on the local Malay music industry, with a specific focus on how digital technology and social media platforms have affected this industry. The main objective of this study is to build a paradigm model for the phenomenon of social media networking sites for local Malay music artists, based on the comprehensive experience of those involved and selected in the Malaysian music industry and involvement in social media networking sites. However, this research paper focuses more on the existence of new emerging themes. Through the *Grounding Theory* approach, research has been able to gather data from in-depth interviews with music industry actors, including music artists, producers, and composers, lyricists, music lecturers, media lecturers, announcers, journalists, music activists as well as content analysis from social media platforms that relevant. The results of the study have also*

found some new themes that were not described in previous studies. The main themes that emerged from the analysis include (1) Bureaucracy in the segment of entertainment in Malaysia; (2) The weakness of consumer attitudes in Malaysia; (3) Effects on talented singers; (4) Practicing the principle of the perpetrator himself; (5) and Fall of old artists due to non-conformity of social media survival. This study offers new insight into the survival of the Malay music industry in the digital era, especially on social media sites, highlighting how adaptation to social media is a critical factor in determining the success and sustainability of the local Malay music industry. This research is seen to make an important contribution to our understanding of the transformation of the Malay music industry in the digital era, highlighting the complexity and dynamics of cultural, economic and technological adaptation as a result of the existence of new emerging themes.

Keywords: Social Media, Malay Music Industry, Grounded Theory, Music Production, Digital Marketing, New Emerging Themes

1. PENDAHULUAN

Industri muzik merupakan salah satu segmen penting dalam ekosistem budaya kreatif negara, terus mengalami transformasi yang pesat dan dinamik seiring dengan evolusi teknologi aplikasi media. Khususnya, dalam konteks industri muzik Melayu tempatan, teknologi aplikasi media sosial telah memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk landskap industri muzik, mempengaruhi segala aspek mulai dari produksi hingga distribusi dan konsumsi muzik (Bengtsson & Edlom, 2023). Fenomena ini menandakan pergolakan paradigma yang memerlukan pemahaman mendalam tentang perubahan dinamik yang telah terlibat.

Penggunaan laman rangkaian media sosial telah mengubah cara artis dan label muzik berinteraksi dengan pendengar, memperluas jangkauan dan memperkaya pengalaman muzikal melalui platform digital. Kini kandungan muzik bukan sekadar terbatas pada pendengaran muzik dalam talian namun kandungan video yang dihasilkan bersama elemen muzik dan dimuatnaik di laman rangkaian media sosial turut mendapat perhatian pengguna (Chong & Li, 2023). Dalam konteks industri muzik Malaysia, di mana muzik Melayu dilihat memegang peranan penting dalam identiti budaya dan penyumbang kepada ekonomi kreatif. Oleh yang demikian, satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan bagi memahami implikasinya terhadap praktikal konvensional dan tema-tema yang baharu dalam industri.

Kajian ini akan membentangkan dapatan tema-tema baharu yang tidak dilaporkan oleh kajian-kajian lepas dalam fenomena revolusi industri muzik terutamanya yang berfokus kepada industri muzik Melayu tempatan di laman media sosial. Hasil kajian diharapkan dapat memberikan manfaat praktis bagi pelaku industri dalam merumuskan strategi yang efektif untuk mengadaptasi dan memanfaatkan laman media sosial dalam meningkatkan keberlangsungan dan pertumbuhan industri muzik Melayu.

2. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama bagi kajian ini adalah membina model paradigma berkenaan kajian fenomena laman rangkaian media sosial untuk artis muzik Melayu berdasarkan perihal industri Muzik Malaysia mengenai pengalaman mereka sendiri yang komprehensif dalam penglibatan di laman rangkaian media sosial. Secara spesifiknya objektif kajian adalah seperti perincian berikut :

- i. Mengkaji konteks dan keadaan yang berlaku yang mempengaruhi antededen fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial,
- ii. Meneroka fenomena utama (aspek positif dan negatif) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial,
- iii. Membincangkan kaedah strategi mengatasi (jika aspek negatif muncul) dalam

- fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial
- iv. Menyasiat sebab akibat yang timbul dari strategi mengatasi (*coping strategy*) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial.

Namun secara spesifiknya kajian ini akan menyentuh objektif yang keempat iaitu keberhasilan tema-tema baharu selepas penyasiatan terhadap sebab akibat yang timbul dari strategi mengatasi (*coping strategy*) dalam fenomena revolusi industri muzik melayu tempatan di laman rangkaian media sosial.

3. KAJIAN LITERATUR

Smule ialah aplikasi muzik yang turut berfungsi sebagai platform media sosial, yang mula diperkenalkan di San Francisco, Amerika Syarikat. Menurut Le Bouteiller (2021), aplikasi ini mengkhususkan diri dalam menghasilkan lagu yang menarik dan membolehkan pengguna bekerjasama dalam lagu menggunakan sistem pengendalian iOS dan Android. Ia menunjukkan bagaimana teknologi telah mengumpulkan pengguna dari pelbagai latar belakang untuk berkongsi pengalaman muzik secara maya. Manakala Menurut Laela (2019) dan Omar et al. (2021), Smule bukan sahaja memudahkan pengguna untuk menyanyi bersama tetapi juga membantu mereka mengingati cara menyanyi dengan betul melalui rakaman lagu dan kolaborasi. Aplikasi ini membolehkan pengguna merakam suara mereka sendiri dan berpotensi menjadi terkenal melalui rakaman yang dimuat naik. Ini menunjukkan kekuatan Smule sebagai alat dan platform pembelajaran yang memberi peluang kepada individu untuk cemerlang dalam bidang muzik.

Airoldi (2021) turut berpendapat bahawa aplikasi media sosial *YouTube* dapat mempengaruhi cara manusia berkongsi berkenaan muzik. Berdasarkan kajian Vizcaíno-Verdú et al. (2021), di mana kajian kes adalah mengenal pasti trend penggunaan *Youtube* dalam sesuatu budaya kehidupan ahli muzik, telah mendapati bahawa para pendidik dan juga seniman telah menemui cara baru untuk mengekspresikan seni mereka menggunakan teknologi ini.

Aplikasi laman media yang sosial yang popular berbentuk penstriman seperti Spotify, Soundcloud yang mempunyai fungsi serupa seperti platform laman rangkaian media sosial internet. Selain memudahkan pengguna membuat senarai main mereka sendiri, aplikasi ini turut dikategorikan sebagai laman media sosial disebabkan penggunaanya dapat memberi komen, berkongsi kandungan dan mengetik butang suka sekiranya mereka menggemari kandungan yang telah dimuatnaik (Park & Kaneshiro ; 2022).

Menurut Shahbaznezhad et al. (2021) populariti sesebuah laman rangkaian media sosial seseorang pelaku ataupun artis sangat penting bagi pengguna untuk merasakan bahawa mereka terhubung dengan kepuasan yang ingin mereka cari. Manakala menurut Hill (2021) juga menyatakan bahawa media baharu melalui laman rangkaian media media sosial amat memberi pengaruh kepada aktivis muzik terhadap penggunaan platform tersebut dan ditujukan kepada masyarakat setempat.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi *Grounded Theory* untuk mengkaji dinamik interaksi antara platform media sosial dan perniagaan muzik Melayu di Malaysia. Pendekatan yang dipilih adalah berdasarkan kapasitinya untuk menjana hipotesis kerja (*working hypothesis*) yang berasaskan daripada data. Pengumpulan data dijalankan menggunakan pelbagai metodologi, seperti temu bual mendalam, pemerhatian penyertaan, dan analisis dokumen dan kandungan siaran di media sosial. Penyelidik telah menjalankan analisis data secara berulang dan berperingkat dan membolehkan penyelidik membandingkan dan menyelaraskan data secara berterusan dengan kategori dan konsep yang muncul, seperti yang ditekankan oleh Strauss dan

Corbin (1990). Objektif kertas kajian ini adalah untuk mendapatkan kefahaman menyeluruh tentang impak negatif yang terhasil daripada pengaruh platform media sosial terhadap pertumbuhan industri muzik Melayu tempatan di Malaysia.

Jadual 1: Empat Fasa dalam Pengumpulan Data

Fasa	Kod	Tujuan	
1	Terbuka (Open)	Kategorikan kod dalam kategori untuk analisis lanjutan	12 individu dan 4 dalam kumpulan fokus
2	Berpaksi (Axial)	Kod dinyatakan secara terperinci; menghubungkan kod antara satu sama lain untuk dibuat tema	4 Individu dan 3 dalam kumpulan fokus
3	Selektif (Selective)	Mencipta model paradigma dan bincangkan tema yang berkaitan dengan model; Mencipta jalan cerita yang mengintegrasikan model paradigma	individu dalam kumpulan fokus
4	Selektif (Selective)	Menguji, mengesahkan dan menerangkan model paradigma hingga mencapai ketepuan; mengiktiraf konsep-konsep yang muncul dalam model paradigma; menjalankan semakan pakar (<i>members check</i>)	3 individu dalam kumpulan fokus

5. KEWUJUDAN TEMA-TEMA BAHARU

Penyelidik tidak hanya menvalidasi tema yang telah dihipotesiskan sebelumnya melalui kaedah hipotesis kerja (*working hypothesis*) atau dikenali sebagai praduga awal, tetapi juga turut sama membincangkan tentang kemunculan tema-tema yang baharu. Ini adalah proses yang dinamik, di mana input baharu yang diperoleh dan yang belum muncul dapat terbentuk.

5.1 Birokrasi dalam dunia Hiburan di Malaysia

Penyelidik mendapati tema birokrasi dalam industri hiburan memainkan peranan yang signifikan. Peraturan dan prosedur yang dianggap ketat dalam industri muzik ini dapat menghalang artis dari menjangkau penonton secara langsung dan mengurangkan keupayaan mereka untuk menyebarkan karya dengan cepat dan luas. Dalam kaedah terkini, seorang artis baharu mungkin perlu mendapatkan bilangan pengikut yang besar sebelum dapat melepasi halangan birokrasi yang ada dan mendapatkan pengiktirafan yang lebih luas dalam industri.

Dalam masa yang sama penampilan atau rupa paras seseorang yang ingin bergelar artis acapkali dianggap sebagai faktor penting dalam mempromosikan seorang artis. Ini kerana industri hiburan cenderung menilai artis bukan sahaja berdasarkan bakat muzik dan ilmu berkenaan muzik yang ada tetapi juga imej, penampilan dan daya tarikan mereka untuk bergelar sebagai seorang artis. Perkara ini amatlah penting disebabkan di dalam konteks sesebuah pemasaran, syarikat rakaman akan memberikan penekanan kepada rupa paras untuk menarik perhatian dan membangun identiti pasaran yang menarik bagi artis.

Penyelidik juga mendapati kaedah penghantaran demo dan menjalani uji bakat memang merupakan langkah tradisional dan masih relevan dalam proses menjadi seorang artis rakaman. Demo rakaman sering kali dianggap sebagai alat penting bagi artis yang belum dikenali untuk menunjukkan kebolehan mereka kepada syarikat rakaman atau pengurus industri muzik. Demo tersebut biasanya merangkumi satu atau beberapa lagu yang dapat menonjolkan bakat dan gaya unik seorang artis. Proses uji bakat juga penting kerana ia membolehkan pengeluar muzik dan eksekutif syarikat rakaman untuk melihat dan mendengar artis secara langsung, yang memungkinkan mereka menilai bukan hanya bakat suara tetapi juga kehadiran panggung dan kemampuan berinteraksi dengan penonton. Akan tetapi di Malaysia penerbit syarikat rakaman menggemari mereka yang mempunyai latar belakang keluarga yang tertentu, contohnya anak orang yang berstatus seperti ahli korporat, ahli politik dan mereka yang mempunyai latar belakang yang mudah untuk syarikat rakaman sendiri mengambil kesempatan dalam erti kata lain situasi menang-menang.

Penemuan penyelidikan menunjukkan bahawa syarikat rakaman dan stesen radio televisyen memainkan peranan penting dalam memperkasa fenomena muzik di kalangan masyarakat. Tindakan pengendali stesen radio swasta yang cenderung memilih dan memutar lagu-lagu kegemaran mereka sendiri, tanpa pengawasan ketat dari pihak penerbit, boleh mempengaruhi corak pemilihan lagu yang disiarkan. Ini menunjukkan suatu bentuk ketidakbebasan pihak penerbit rancangan atau editor yang mungkin tidak sepenuhnya menyelaras kepelbagaian atau kualiti muzik, tetapi lebih kepada minat citarasa peribadi mereka sendiri.

Penyelidik juga melihat keadaan ini dapat mengakibatkan beberapa lagu atau genre muzik mendapatkan pendedahan lebih luas sementara yang lain mungkin tidak mendapat perhatian yang sewajarnya. Keadaan ini berpotensi mencipta sebuah lingkaran di mana hanya lagu-lagu tertentu yang terus dipromosikan dan didengar, sementara bakat-bakat baharu atau lagu-lagu yang kurang dikenali tidak mendapat peluang untuk bersinar di saluran media massa terutama di stesen radio. Ini mencerminkan pengaruh signifikan yang dimiliki oleh syarikat rakaman dan stesen radio televisyen terutamanya dari stesen swasta dalam membentuk kerancakkan industri muzik serta selera menurut muzik pendengar secara umumnya.

5.2 Kelemahan Sikap Pengguna di Malaysia

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat dapatan baharu dalam aspek negatif yang menjadi sumber kebimbangan yang berkaitan langsung dengan sikap pengguna media sosial itu sendiri. Pengaruh terhadap muzik dari media sosial daripada sekeliling dan tren semasa yang sering diikuti tanpa pertimbangan mendalam agak sukar dibendung.

Begitu juga pemilihan muzik yang berorientasikan kepada lirik lagu yang viral namun tidak memberi makna yang jelas dan tepat. Keinginan para pengguna media sosial untuk kelihatan selari dengan tren semasa, semua ini menjadi faktor utama dalam penilaian muzik oleh pengguna media sosial. Ini mencerminkan kekurangan pengetahuan muzikal yang menyeluruh dan kecenderungan untuk membuat penilaian yang berdasarkan pada pandangan peribadi atau populariti semata-mata, bukannya dilihat pada unsur kualiti muzik yang sebenar.

5.3 Kesan kepada penyanyi yang berbakat

Dapatan kajian ini baharu ini mendapati bahawa terdapat keperluan artis yang berbakat untuk memenuhi beberapa keperluan keberadaan di laman rangkaian media sosial, termasuk menyanyi secara langsung dan mencipta kandungan kreatif harian mereka untuk dimuat naik di laman rangkaian media sosial masing masing. Perkara ini secara tidak langsung membuka ruang perbincangan mengenai pengaruhnya terhadap kreativiti kandungan dan nilai muzik yang dihasilkan. Dalam masa yang sama ianya mencerminkan peralihan dari kandungan

penciptaan muzik yang berorientasikan seni ke arah yang lebih komersial dan berorientasikan pengikut.

Artis mungkin merasa tertekan untuk menghasilkan kandungan yang lebih sering dan cepat untuk memenuhi keinginan dan ekspektasi pengikut mereka di media sosial, yang boleh mengurangkan masa dan tenaga untuk diperuntukkan kepada kandungan muzik yang lebih kreatif dan berkualiti. Perihal ini boleh menimbulkan dilema antara keinginan untuk mengekalkan keaslian artistik dan kualiti kandungan berbanding dengan keperluan untuk beradaptasi dengan tuntutan pendengar dan pasaran masyarakat umum yang senantiasa berubah-ubah.

Ketiga, penggunaan media sosial sebagai platform utama untuk promosi dan pendedahan boleh mengubah dinamika industri muzik tempatan. Media sosial memungkinkan artis untuk menjangkau audiens yang lebih luas dan berinteraksi secara langsung dengan peminat, tetapi juga mencipta pasar yang sangat kompetitif di mana perhatian dan pengikut menjadi mata wang utama. Ini boleh mempengaruhi jenis muzik yang dihasilkan, di mana kecenderungan mungkin beralih ke arah apa yang lebih mudah diterima oleh massa daripada mengejar inovasi artistik.

Akhirnya, fenomena ini juga membuka ruang untuk kajian lebih lanjut mengenai bagaimana media sosial mempengaruhi persepsi nilai muzik. Adakah kandungan yang dihasilkan di media sosial dianggap setara dengan produksi muzik yang lebih tradisional? Bagaimanakah pengikut media sosial mempengaruhi reputasi dan keberhasilan seorang artis dalam industri muzik? Jawapan atas pertanyaan-pertanyaan ini penting untuk memahami dinamika industri muzik Melayu tempatan dalam era digital.

Secara keseluruhannya, fenomena ini menunjukkan interaksi kompleks antara teknologi, media sosial, dan industri muzik, di mana artis perlu menavigasi antara keperluan untuk berinovasi secara kreatif dan tuntutan untuk memenuhi ekspektasi pasaran yang berubah-ubah. Ini menimbulkan cabaran dan peluang baharu dalam konteks industri muzik Melayu tempatan.

5.4 Pengamalan Prinsip Pelaku Sendiri

Dapatan ini juga menemukan bahawa amalan prinsip oleh pelaku industri sendiri dapat membantu mengarahkan fenomena ini ke arah yang positif, terutamanya dalam konteks pembuatan kandungan muzik kreatif di media sosial, sememangnya memerlukan analisis yang mendalam. Dalam era di mana media sosial menjadi platform utama untuk pendedahan dan interaksi, penting bagi seseorang pelaku yakni pencipta kandungan untuk memiliki pemahaman yang kuat tentang aspek-aspek teknikal dan artistik dalam muzik. Ini termasuk pengetahuan tentang alat muzik, aplikasi, dan perisian muzik, serta rujukan kepada pakar dalam bidang ini.

Pertama, penekanan pada pengetahuan muzik dan kemahiran teknikal mencerminkan keperluan untuk menjaga kualiti dan integriti artistik dalam kandungan yang dihasilkan. Dalam konteks media sosial, di mana kandungan dapat dengan cepat tersebar dan dilihat oleh audiens yang luas, penting bagi artis untuk memastikan bahawa apa yang mereka sajikan bukan hanya menarik dari segi visual atau trend, tetapi juga berkualitas dari segi muzikal. Ini membantu dalam

mempertahankan standard industri dan memastikan bahawa kandungan yang dihasilkan bukan hanya sekadar 'pengisi ruang' di media sosial.

Kedua, dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran, artis dapat menghindari jolokan menjadi 'peniru' dalam kandungan kreatif yang dilakukan bagi mengikuti trend tanpa menambahkan nilai artistik yang sebenar. Dalam industri muzik, keunikan dan keaslian sering

kali menjadi kunci keberhasilan. Oleh itu, memiliki dasar yang kuat dalam teori muzik, komposisi, dan produksi dapat membantu artis mencipta karya yang tidak hanya menarik secara visual di media sosial, tetapi juga memiliki kedalaman dan keaslian artistik.

Ketiga, rujukan kepada pakar atau mentor dalam industri muzik dapat memberikan wawasan dan panduan yang berharga. Dalam dunia yang serba pantas dan berorientasi pada media sosial, mudah untuk pelaku terjebak dalam keinginan untuk menghasilkan kandungan secara berterusan tanpa mempertimbangkan kualiti atau dampak jangka panjang. Melalui bimbingan dari mereka yang lebih berpengalaman, artis media sosial yang muda dapat belajar bagaimana menyeimbangkan keperluan untuk relevan di media sosial dengan keperluan untuk mengembangkan keterampilan dan gaya artistik mereka sendiri.

Secara keseluruhan, penemuan ini menunjukkan pentingnya pendidikan dan pembangunan kemahiran dalam industri muzik, terutama dalam era media sosial. Ini bukan hanya tentang menghasilkan kandungan yang menarik secara visual, tetapi juga tentang memelihara kreativiti dan integriti artistik yang akan membedakan artis dalam jangka panjang.

5.5 Kejatuhan artis lama disebabkan ketidakakuran

Penyelidik juga mendapati terdapat perbezaan yang ketara antara artis veteran lama dan generasi baharu, terutamanya dalam aspek penguasaan dan penggunaan media sosial. Bagi seseorang artis veteran, yang telah membangun karier mereka dalam era pra-digital, sering kali menghadapi cabaran dalam menyesuaikan diri dengan revolusi komunikasi baharu yang dibawa oleh media sosial. Perihal ini bukan sahaja melibatkan perubahan dalam medium komunikasi yang terdahulu bermula dari media cetak, radio, dan televisyen ke platform digital tetapi ianya juga memerlukan kemahiran artis veteran itu sendiri melibatkan diri dengan perkembangan teknologi yang berbeza dari sudut pendekatan yang lebih interaktif dalam berhubung dengan peminat secara dalam talian.

Perubahan ini mencerminkan pergeseran dari pendekatan pemasaran dan branding tradisional ke strategi yang lebih dinamik dan berorientasikan media sosial, di mana kecepatan, interaktivitas, dan personalisasi menjadi kunci. Bagi artis generasi lama, transisi ini boleh menjadi penyebab ketidakakuran mereka, memandangkan mereka mungkin kurang mahir dalam teknologi dan kurang selesa dengan interaksi langsung dan peribadi yang dituntut oleh peminat mereka di media sosial. Selain itu, perubahan dalam industri muzik, khususnya dengan kebangkitan muzik dalam talian, telah mengubah landskap dalam cara muzik dipromosikan mungkin telah menyebabkan artis veteran ini merasakan bahawa terdapat pengurangan nilai seni dalam diri mereka.

Namun, penting untuk diakui bahawa generalisasi ini tidak semestinya mencerminkan semua artis generasi lama, kerana terdapat juga di kalangan mereka telah berjaya beradaptasi dan berkembang dalam era digital ini. Perbezaan ini, bagaimanapun, menyoroti pergeseran budaya dan teknologi yang signifikan dalam industri muzik dan bagaimana ia mempengaruhi artis dari pelbagai generasi. Ini mencerminkan dinamika yang kompleks antara tradisi dan inovasi dalam konteks revolusi media baharu dan muzik.

6. PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN

Kajian ini telah mengeksplorasi tema-tema baharu dalam penggunaan media sosial dalam industri muzik Melayu tempatan dari perspektif pemegang kepentingan merentasi era yang berbeza. Sepeti yang sedia maklum tema baharu ini sememangnya didapati tidak dilaporkan oleh kajian-kajian lepas yang telah wujud dalam fenomena revolusi industri muzik terutamanya yang berfokus kepada industri muzik Melayu tempatan di laman media sosial. Faktor-faktor

utama yang menyumbang kepada tema-tema ini telah dikenal pasti dan disusun mengikut kaitannya dengan pelaku yang berkepentingan dari pelbagai jenis media sosial yang mereka pengaruhi. Didapati bahawa artis dan penggiat seni memainkan peranan yang signifikan dalam menghadapi pelbagai faktor kejayaan dan cabaran, manakala pereka kandungan bertanggungjawab terhadap elemen-elemen kritikal bagi sesebuah kejayaan dalam persekitaran industri muzik Melayu. Syarikat rakaman dan penerbit sebahagian besarnya berkongsi tanggungjawab mereka untuk kejayaan bersama dengan pelaku yang berkepentingan lain. Manakala sesebuah platform media sosial itu sendiri dilihat bertanggungjawab secara sendirinya untuk mengoptimalkan manfaat daripada usaha penggunaan media sosial dalam industri muzik Melayu tempatan.

7. RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan tema-tema baharu yang terhasil adalah merupakan kesan dari penyesuaian kandungan dan fleksibiliti kandungan yang telah dicipta. Dalam masa yang sama autonomi dan penyesuaian yang dimiliki oleh seseorang pelaku yakni artis yang meneroka perkara baharu ini telah dilihat sebagai salah satu faktor kejayaan yang paling berkesan. Sungguhpun begitu, kaedah promosi dan pemasaran muzik itu masih lagi bergantung kepada kandungan yang interaktif yang perlu disesuaikan dengan keadaan bagi kelangsungan media sosial seseorang artis. Dengan kajian ini, diharapkan bahawa pemain serta pelaku dalam industri muzik Melayu tempatan dapat memahami dengan lebih jelas trend yang dinamik dalam penggunaan laman sosial media dan bagaimana trend ini mempengaruhi peranan mereka dalam proses tersebut.

RUJUKAN

- Airoldi, M. (2021). The techno-social reproduction of taste boundaries on digital platforms: The case of music on YouTube. *Poetics*, 89, 101563
- Bengtsson, L. R., & Edlom, J. (2023). Commodifying participation through choreographed engagement: the Taylor Swift case. *Arts and the Market*, (ahead-of-print).
- Chong, C. C. Y. and Li, A. (2023). Emotional music generation: an analysis of effectiveness and user satisfaction by using python and dart. *Computer Science, Engineering and Applications*. <https://doi.org/10.5121/csit.2023.130519>
- Strauss, A., & Corbin, J. (1990). *Basics of qualitative research: Grounded theory procedures and techniques*. Newbury Park, CA: Sage.
- Laela, N. R. (2019). Using Smule joint singing pop song through online media to enhance EFL college learners' understanding English for intercultural communication. *Manuscript*. English Education Program FKIP Galuh University.
- Le Bouteiller, M. (2021). Singing and playing music through mobile applications: Smule, a new music experience. *De Musica*.
- Omar, A., Bakar, S. A. S. A., & Muhammad, M. H. (2021). Budaya berhibur menerusi aplikasi smule dalam karya arca instalasi. *Ideology Journal*, 6(2), 43-52.
- Park, S. Y., & Kaneshiro, B. (2022). User perspectives on critical factors for collaborative playlists. *PloS one*, 17(1), e0260750.
- Shahbaznezhad, H., Dolan, R., & Rashidirad, M. (2021). The role of social media content format and platform in users' engagement behavior. *Journal of Interactive Marketing*, 53(1), 47-65.
- Vizcaíno-Verdú, A., Contreras-Pulido, P., & Guzmán-Franco, M. D. (2021). Youtube musicians and self-perceived multimedia, hypermedia, intertextual and transmedia competencies. *Learning, Media and Technology*, 46(4), 515-530.